



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (42) 05/08

LAWATAN BALAS MENTERI PERTAHANAN NEGARA REPUBLIK TÜRKİYE

TYT YAŞAR GÜLER KE MALAYSIA PERKUKUH HUBUNGAN

PERTAHANAN DUA NEGARA

1. **KUALA LUMPUR, 20 OGOS 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah menerima lawatan rasmi Menteri Pertahanan Nasional Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama (TYT) Yaşar Güler ke Kementerian Pertahanan pada hari ini.
2. Lawatan ini merupakan **lawatan balas yang telah diadakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia ke Ankara pada 11 Jun 2024** yang lalu. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memperkuuh dan meningkatkan hubungan kerjasama pertahanan dua hala yang telah lama terjalin sejak tahun 1985.
3. Semasa sesi kunjungan hormat, kedua-dua pemimpin telah bersetuju untuk meningkatkan **kerjasama pertahanan ke peringkat yang lebih tinggi merangkumi kerjasama ketenteraan dan bidang sains, teknologi dan industri pertahanan.**
4. Kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk memperkuuhkan dan meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala melalui:
 - a. **Pemeteraihan Memorandum of Understanding (MoU) on Defence Cooperation yang baharu serta bersetuju untuk memuktamadkan draf MoU tersebut pada hujung tahun 2024.** MoU baharu ini merupakan instrumen perundangan yang akan memayungi kerjasama pertahanan antara kedua-dua Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera dalam pelbagai bidang.
 - b. Meneroka peluang-peluang baharu dalam **kerjasama ketenteraan** yang boleh meningkatkan tahap **kebolehoperasian dan kesiapsiagaan** kedua-dua **Angkatan Tentera** dalam semua domain iaitu darat, laut, udara, siber, kecerdasan buatan (AI) dan perkongsian risikan.

- c. Meneroka kerjasama industri pertahanan melalui ***Industrial Collaboration Programme (ICP)***, pembuatan bersama (***joint manufacturing***), pertukaran kepakaran, pemindahan teknologi (***transfer of technology***) yang menjurus kepada pembentukan dan pembangunan ekosistem industri pertahanan negara.
- 5. Di samping itu, kedua-dua pemimpin turut membincangkan pelbagai isu sub-rantau dan antarabangsa khususnya perang Palestine - Israel dan lain-lain konflik di Timur Tengah.
- 6. Terdahulu, YB Khaled Nordin telah mengiringi TYT Yaşar Güler ke Kompleks Seri Perdana, Putrajaya bagi kunjungan hormat ke atas YAB Perdana Menteri Malaysia semalam.
- 7. Lawatan ini mencerminkan hubungan akrab antara kedua-dua negara dalam bidang pertahanan selaras dengan **Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan** iaitu **Perkongsian Berwibawa yang digariskan dalam dalam Kertas Putih Pertahanan** yang menekankan hubungan antarabangsa dalam memastikan keselamatan negara, kedaulatan serantau dan keamanan sejagat.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
20 Ogos 2024**